



[Klik untuk Muat Turun  
Borang Permohonan](#)

## **IKLAN JAWATAN PEKERJA AWAM GRED R1 DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut di Kementerian Luar Negeri.

1. (a) Jawatan : **PEKERJA AWAM GRED R1**  
(2 kekosongan di Putrajaya dan 1 kekosongan di Kuala Lumpur )  
  
(b) Kementerian/Jabatan : Kementerian Luar Negeri  
  
(c) Kumpulan Perkhidmatan: Sokongan  
  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan: Perkhidmatan Mahir / Separuh Mahir / Tidak Mahir
  
2. Jadual Gaji : Gred R1  
P1T1 RM 647.51 - P1T14 RM 1178.43  
P2T1 RM 689.98 - P2T14 RM 1242.09  
P3T1 RM 734.08 - P3T14 RM 1307.38
  
3. Taraf Jawatan : Tetap
  
4. (a) Elaun :
  - i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam – RM 95.00
  - ii) Imbuhan Tetap Perumahan – RM 180.00
  - iii) Bayaran Bantuan Sara Hidup – RM 300.00  
(b) Kemudahan :
  - i) Cuti Rehat (20 hari setahun)
  - ii) Faedah rawatan perubatan (diri, isteri / suami, anak-anak dan ibubapa)
  - iii) Pinjaman Perumahan
  - iv) Pinjaman Komputer
  - v) Pinjaman Kenderaan dan
  - vi) Faedah Persaraan

5. Syarat Lantikan : Calon – calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) i) Tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan ; dan  
ii) Berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred R1: P1T3 RM 729.19)
  - (d) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
6. Penilaian Tahap Kecekapan : Pekerja Awam hendaklah lulus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan untuk anjakan gaji.
7. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Perkhidmatan : Pegawai - pegawai yang memasuki Perkhidmatan Pekerja Awam tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

8. **Cara Memohon** :

(a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang (KLN)(050)202/1/2-23** yang disertakan dan boleh didapati secara percuma di **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Luar Negeri, Aras 3, Presint 2, 62602 Putrajaya** atau melalui laman web Kementerian Luar Negeri di <http://www.kln.gov.my> dan disertakan bersama-sama :-

- (i) Salinan Sijil Surat Beranak ;
- (ii) 2 keping gambar berukuran pasport ;
- (iii) Salinan Kad Pengenalan ;
- (iv) Salinan Sijil Berhenti Sekolah ;
- (v) Salinan Sijil-sijil Keputusan Peperiksaan Akhir bagi kelayakan yang diisyaratkan.

Satu borang bagi satu jawatan. Borang boleh difotostat.

(b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan dikehendaki mengemukakan Kenyataan Perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi.

(c) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :-

- (i) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan ;
- (ii) tidak lengkap atau tidak terang ;
- (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan ;
- (iv) tidak menulis nombor kad pengenalan ;
- (v) tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat ; dan
- (vi) tidak ditandatangani.

9. **Alamat Permohonan dan Tarikh Tutup**

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI  
CAWANGAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN  
NO.1, JALAN WISMA PUTRA  
PRESINT 2  
62502 PUTRAJAYA.**

**Sebelum atau pada 30 April 2008**

10. **Catatan Am** :

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan akan dipanggil untuk ditemuduga.
- (b) Sebarang **tuntutan** perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak tidak akan ditanggung oleh Kementerian ini.